

# USIM lancar album lagu Melayu Asli

SEREMBAN 1 April - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) melalui Unit Kebudayaan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar telah melancarkan album bertajuk *Lagu Melayu Asli dan Kelestarian Warisan USIM* dalam usaha memelihara khazanah Melayu dan meneruskan kesinambungan seni budaya.

Album itu mengandungi 15 buah lagu dan 12 lagu Melayu asli yang sebahagiannya dipopularkan menerusi teater bangsawan seperti Embun Menitik, Seri Siantan, Seri Mersing dan Damak.

Lagu-lagu dalam album itu didendangkan oleh penyanyi lagu asli terkemuka, R. Ismail, Aspalela Abdullah dan Raftah Bachik.

Album itu juga memuatkan tiga buah lagu yang diilhamkan daripada irama lagu asli segar iaitu Embun Menitik, Seri Siantan dan Seri Mersing yang mana liriknya diinovasikan mengikut tema keagungan Tuhan, Rasulullah SAW dan semangat patriotik.

Lirik bagi tiga lagu tersebut telah dikarang oleh pelajar dan alumni USIM iaitu Abdul Hadi Md. Akhair, Ummi Hajar Muslim, Sitti Salimah Salamun, Siti Walida Parson, Mohd Helmi Jefri, Ahmad Faiz Ab Aziz dan Muhammad Shukri Sahari.

Naib Canselor USIM, Profesor Datuk Dr. Asma Ismail berkata, us-



**PROFESOR Dr. Asma Ismail menyampaikan sijil penghargaan kepada komposer terkenal, Fauzi Marzuki pada majlis pelancaran album *Lagu Melayu Asli dan Kelestarian Warisan USIM* di Seremban, baru-baru ini.**

aha mengangkat kesenian bangsa Melayu bukan bermakna mengabaikan kesenian kaum lain tetapi ia dapat merapatkan perpaduan antara masyarakat supaya lebih mengenali budaya Melayu dengan lebih erat.

“Terdapat kajian yang mem-

buktikan muzik boleh merangsang dan menyeimbangkan otak manusia dan berupaya meningkatkan ilmu matematik manusia,” katanya semasa merasmikan Majlis Pelancaran Album *Lagu Melayu Asli dan Kelestarian Warisan USIM*, di sini baru-baru ini.